

PEJABAT DAERAH DAN TANAH BATANG PADANG

2. LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

FAKTA UTAMA

KUTIPAN HASIL JANUARI – DISEMBER 2019

LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

RM4,040

Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang	Memberi perkhidmatan berkualiti berkaitan kutipan hasil, pembangunan dan pendaftaran tanah
Undang-Undang Berkuat kuasa	Kanun Tanah Negara 1965 dan undang-undang berkaitan
Hasil Bukan Cukai	Lesen Pendudukan Sementara
Pegawai Pengawal	Pegawai Daerah

1. LATAR BELAKANG

Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Batang Padang telah ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan berkualiti berkaitan kutipan hasil, pembangunan dan pendaftaran tanah selaras dengan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) dan undang-undang berkaitan serta penguatkuasaan undang-undang terlibat. Pada tahun 2019, kutipan bagi Lesen Pendudukan Sementara (LPS) adalah berjumlah RM4,040.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi memastikan kutipan LPS dilaksanakan dengan teratur selaras dengan akta, peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan terhadap LPS meliputi transaksi bulan Januari 2018 hingga Disember 2019. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pengurusan Tanah, Unit Hasil, Unit Pelupusan dan Bahagian Kewangan, PDT Batang Padang. Pengauditan dilaksanakan terhadap kesemua 135 transaksi kutipan hasil LPS (100%) bagi tempoh diaudit.

3.2. Pengauditan meliputi semakan fail, rekod kewangan dan perakaunan, minit mesyuarat serta dokumen lain berkaitan pengurusan hasil. Temu bual dengan pegawai terlibat dan pemeriksaan fizikal turut diadakan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan November 2019 hingga Februari 2020. Maklum balas telah diterima pada 27 Mei 2020 dan Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 8 Julai 2020. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Hasil Tidak Dikutip Bagi Permohonan Pembaharuan LPS Berjumlah RM50,438

4.1.1. LPS merupakan salah satu kaedah oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk membenarkan tanah tertentu diduduki atau digunakan bagi suatu tempoh yang ditetapkan. Seksyen 65, KTN menyatakan PBN boleh membenarkan pendudukan sementara dengan pengeluaran lesen untuk penggunaan tanah-tanah kerajaan, tanah lombong yang bukan pada masa itu digunakan untuk maksud ia dirizabkan. Syarat LPS di bawah Seksyen 67 dan 68 KTN turut menyatakan tempoh LPS adalah terhad dan hanya sah bagi tahun ia dikeluarkan, serta akan tamat pada 31 Disember setiap tahun.

4.1.2. Semakan Audit terhadap 135 Penyata Akaun Individu mendapati sebanyak 54 permohonan pembaharuan LPS tahun 2019 diterima oleh PDT Batang Padang. Bagaimanapun, hanya tiga (3) LPS berjumlah RM4,040 telah diluluskan dan dikutip hasilnya manakala baki 51 permohonan LPS masih belum selesai diproses. **Ini menyebabkan bayaran berjumlah RM50,438 tidak dapat dikutip.** Sehingga 31 Disember 2019, tempoh memproses pembaharuan LPS bagi kesemua 51 permohonan adalah antara satu (1) hingga 12 bulan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LPS BAGI TAHUN 2019

MUKIM	BILANGAN PEMOHON	SEDANG DIPROSES	TELAH DIKELUARKAN LPS	
			BILANGAN	AMAUN (RM)
Batang Padang	4	3	1	250
Bidor	16	15	1	3,040
Chenderiang	26	25	1	750
Sungkai	8	8	0	-
JUMLAH	54	51	3	4,040

Sumber: Daftar Permohonan - LPS

4.1.3. Lawatan Audit pada 12 dan 13 Februari 2020 terhadap tiga (3) daripada 51 LPS yang sedang diproses mendapati pemohon masih aktif menjalankan aktiviti di atas tanah tanpa LPS. Selain itu, pihak Audit mendapati wujud pelanggaran syarat LPS di mana bangunan kekal telah dibina di atas tanah tanpa lesen. Maklumat dan keadaan lokasi berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 2** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 3**.

JADUAL 2
PEMOHON TELAH MENDUDUKI TANAH TANPA LPS

MUKIM	NO. FAIL	TARIKH BAYARAN PENDAFTARAN BERDASARKAN PENYATA AKAUN INDIVIDU	TEMPOH LEWAT (BULAN)	KEGUNAAN TANAH	PEMERIKSAAN FIZIKAL AUDIT	AMAUN LPS SETAHUN BERDASARKAN PENYATA AKAUN INDIVIDU (RM)
Bidor	PTBP(LMS)367/2010	08.04.2019	9	Setinggalan	Setinggalan	60
	PTBP(LTS)66/2010	14.01.2019	12	Setinggalan	Setinggalan	60
Sungkai	PTBP(L) 366/2010	19.02.2019	11	Setinggalan	Setinggalan	60
JUMLAH						180

Sumber : Penyata Akaun Individu PDT Batang Padang

GAMBAR 1



Kg. Bertuah, Mukim Bidor
- Aktiviti Pendudukan Tanah Setinggalan
(13.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Kampung Padang, Mukim Bidor
- Aktiviti Pendudukan Tanah Setinggalan
(12.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 3

Kampung Rimba Melati, Mukim Sungkai
- Aktiviti Pendudukan Tanah Setingan
(12.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas PDT Batang Padang yang Diterima pada 27 Mei dan 14 Oktober 2020

Terdapat sejumlah fail yang telah mendapat kelulusan untuk dikeluarkan LPS. Tindakan penguatkuasaan akan dijalankan sekiranya pemohon beroperasi tanpa LPS walaupun telah diberi peringatan. Sebanyak 29 daripada 51 LPS telah diluluskan dan bayaran telah diterima oleh PDT Batang Padang sejumlah RM37,790 antara 17 Februari hingga 30 September 2020. Terdapat empat (4) pemohon yang dikesan telah meninggal dunia dan permohonan tersebut telah ditolak. Pada 26 Ogos 2020, PDT Batang Padang telah menetapkan Piagam Pelanggan bagi memastikan tidak berlaku kelewatan pengeluaran LPS.

Pernyataan Audit | **Ketiadaan Piagam Pelanggan dan penetapan tempoh memproses LPS menyebabkan kelewatan pengeluaran LPS sehingga 12 bulan. Hal ini juga menyebabkan hasil berjumlah RM50,438 tidak dapat dikutip.**

4.2. LPS Tidak Diperbaharui Sejumlah RM74,866

4.2.1. Seksyen 67(3) KTN menyatakan Pentadbir Tanah boleh atas permintaan pemegang lesen memperbaharui lesen itu bagi tempoh tidak lebih daripada satu (1) tahun kalendar dengan syarat tidak melebihi tiga (3) pembaharuan. Setiap pemegang lesen perlu mengemukakan borang pembaharuan ke PDT dengan membayar wang proses sekiranya ingin melanjutkan tempoh lesen.

4.2.2. Semakan Audit terhadap 135 Penyata Akaun Individu mendapati sebanyak 81 LPS telah tamat tempoh antara tahun 2003 hingga 2018. Hasil bagi **81 LPS yang tamat tempoh berjumlah RM74,866 tidak dapat dikutip kerana permohonan tidak diperbaharui.**

4.2.3. Lawatan Audit pada 12 dan 13 Februari 2020 terhadap sembilan (9) lokasi LPS yang telah tamat tempoh mendapati lokasi terbabit masih aktif diduduki dan masih mempunyai aktiviti pendudukan dan memungut hasil. Maklumat dan keadaan lokasi berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Gambar 4** hingga **Gambar 10**.

JADUAL 3
MAKLUMAT LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA TELAH TAMAT TEMPOH

BIL.	NO. AKAUN LPS	NO. FAIL	MUKIM	BAYARAN SETAHUN (RM)	TAHUN TAMAT LPS
1.	01T0000553	PTBP(L)95/2009	Batang Padang	60	2015
2.	01T0000560	PTBP(LTS)89/2014	Batang Padang	12,000	2018
3.	01T0000103	PTBP(L)116/2010	Batang Padang	TM	2011
4.	01T0000661	PTBP(L) 69/2011	Batang Padang	2,400	2015
5.	01T0000521	PTBP(L)25/2002	Bidor	TM	2003
6.	01T0000443	PTBP(L) 266/2010	Chenderiang	60	2016
7.	TM	PTBP(LMS) 22/2019	Chenderiang	TM	TM
8.	01T0001245	PTBP(LTS) 113/2014	Sungkai	TM	2015
9.	01T0000111	PTBP(L) 285/2010	Sungkai	TM	2011

Sumber: Penyata Akaun Individu PDT Batang Padang

Nota: TM - Tiada Maklumat

GAMBAR 4



Kampung Padang, Mukim Batang Padang
- Aktiviti Pendudukan Tanah Setinggal
(13.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Wilayah Kampung Kelapa,
Mukim Batang Padang
- Aktiviti Memungut Hasil Tanaman Kelapa Sawit
(12.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Wilayah Titi Besi, Mukim Batang Padang
- Aktiviti Memungut Hasil Tanaman Kelapa Sawit
(12.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Kampung Sungai Lesong, Mukim Chenderiang
- Aktiviti Pendudukan Tanah Setinggalan
(13.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Mukim Chenderiang
- Aktiviti Memungut Hasil Ternakan Ikan dan Itik
(13.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Wilayah Tiang Bertarah, Mukim Sungkai
- Aktiviti Memungut Hasil Tanaman Kelapa Sawit
(13.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 10

Wilayah Kg. Rimba Melati, Mukim Sungkai
- Aktiviti Pendudukan Tanah Setinggalan
(12.02.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas PDT Batang Padang yang Diterima pada 27 Mei dan 14 Oktober 2020

Tindakan penguatkuasaan akan dijalankan. Surat Peringatan telah dikeluarkan kepada 35 pemohon pada 30 September 2020. Pemohon diberikan tempoh sebulan untuk memperbaharui LPS. Sekiranya pemohon gagal membuat permohonan, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 426A(1)(c) KTN akan diambil.

Pernyataan Audit	Ketiadaan pemantauan dan penguatkuasaan menyebabkan hasil berjumlah RM74,866 tidak dapat dikutip terhadap LPS yang telah tamat tempoh tetapi masih beroperasi.
-------------------------	---

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara seperti berikut:

- 5.1. PDT Batang Padang perlu memastikan hasil LPS dikutip dalam tempoh yang ditetapkan;
- 5.2. PDT Batang Padang perlu mempergiat pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan bagi mengelakkan pencerobohan secara haram tanah Kerajaan negeri; dan
- 5.3. PDT Batang Padang perlu mewujudkan Piagam Pelanggan berkaitan proses LPS bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan untuk mengelakkan kelewatan pemprosesan.